

Pengertian Sambutan Hari Ayah Pada Hari Arafah

Mohamed Khair Mohamed Noor

Berita Harian, Jun 17, 2024

Tahun ini, sambutan Hari Ayah pada 16 Jun 2024 jatuh pada 9 Zulhijjah 1445, iaitu Hari Arafah, mengikut perkiraan hisab di Singapura. Pertemuan di antara Hari Ayah atau Hari Bapa dengan Hari Arafah pada hari yang sama pada tahun ini menjadikan sambutannya lebih teruja dan amat mendalam pengertiannya.

Hari Arafah didukung peranan Nabi Ibrahim sebagai seorang ayah yang menjalankan perintah ALLah ke atas anaknya, Nabi Ismail. Rugi sekiranya Hari Ayah tahun ini berlalu pergi tanpa para ayah tidak merebut peluang untuk mengambil pengajaran dari sejarah yang melandasi Hari Arafah dan juga figura utama yang mendukungi Hari Arafah iaitu Nabi Ibrahim a.s.

Apakah pengajaran utama buat para ayah yang boleh dinukil dari Hari Arafah dan figura utamanya, Nabi Ibrahim a.s.?

Pengajaran pertama ialah mengenai sesuatu yang mudah dilakukan tetapi sering tidak diutamakan sebahagian ayah, iaitu komunikasi berkualiti lagi berkesan dengan anak-anak.

Apabila Nabi Ibrahim a.s. terima perintah Allah swt untuk laksanakan qurban ke atas anaknya, beliau tidak terus melaksanakan arahan tersebut. Malah Nabi Ibrahim a.s. berdialog dengan anaknya, Nabi Ismail a.s., sambil bertanya, "Apakah pendapat kamu tentang perintah tersebut?"

Dialog Nabi Ibrahim a.s. dengan anaknya, Nabi Ismail a.s., memberi isyarat jelas betapa pentingnya untuk para ayah membentuk anak-anak untuk berkeupayaan berfikir secara rasional yang berlandaskan nilai-nilai agama. Dalam episode tersebut, Nabi Ibrahim a.s. boleh saja terus melaksanakan perintah tersebut atas dasar yang ianya datang dari Allah swt. Namun, Nabi Ibrahim a.s. bertanya pendapat anaknya terlebih dahulu.

Paparan ini bukan menunjukkan yang Nabi Ibrahim a.s. cuba membelakangi perintah Allah swt. Malah dialog tersebut memberi petunjuk kepada sekalian ayah betapa pentingnya untuk berkomunikasi dengan anak-anak dengan cara yang rasional lagi tenang dalam apa juga keadaan, apatah lagi dalam kontek di mana perintah tersebut melibatkan arahan korban ke atas anak yang disayangnya.

Terdapat satu lagi pengajaran penting dalam episod ini di mana amat jelas bahawa Nabi Ibrahim a.s. tidak mendidik anaknya untuk setakat "taat" kepada agama sahaja tanpa mendasari ketaatan itu dengan asbab yang jelas. Ertinya, Nabi Ibrahim a.s. telah mendidik anak remajanya ketika itu untuk juga menggunakan akal dan fikirannya dalam hal-hal agama, termasuk ketaatan. Ini juga isyarat jelas bahawa agama itu tidak berdiri di atas dasar ketaatan semata-mata tetapi agama itu dibina juga atas dasar rasional.

Respons Nabi Ismail a.s., sebagai seorang remaja ketika itu, terhadap pertanyaan ayahnya itu, jelas sekali mempamerkan mutu perhubungan yang amat baik di antara mereka berdua dan juga natijah pendidikan seorang ayah ke atas seorang anak.

Jelas sekali Nabi Ismail a.s. tidak memberontak. Beliau tidak memaki hamun ayahnya. Beliau tidak melakukan sesuatu apa yang negatif terhadap persoalan yang dikemukakan ayahnya ketika itu. Malah, dengan tenang, Nabi ismail a.s. berkata, "Wahai ayahku, lakukanlah apa yang diperintah (Allah) kepada mu. InsyaaALLah, engkau akan mendapati ku termasuk orang yang sabar."

Begitu tenang sekali respons Nabi Ismail a.s. terhadap persoalan yang dikemukakan ayahnya. Ketenangan sebegitu rupa memancarkan ketabahan spiritual, mental dan jiwa yang terbentuk kukuh hasil didikan yang sempurna. Ketenangan komunikasi yang dipamerkan juga membayangkan betapa kukuhnya hubungan di antara ayah dan anak dengan tahap kepercayaan dan keyakinan yang amat tinggi sekali di antara mereka berdua.

Sebagai seorang Nabi, boleh sahaja Nabi Ibrahim a.s. terus melaksanakan perintah tersebut. Namun, Nabi Ibrahim a.s. memilih untuk mendapatkan pandangan anaknya terlebih dahulu tanpa ada unsur-unsur paksaan. Dan bukanlah pula Nabi Ibrahim a.s. 'takut' pada anak. Tetapi pendekatan nabi Ibrahim a.s. itu mempamerkan betapa beliau juga menghormati dan menghargai pandangan anak remajanya itu yang telah dididiknya dengan sebaik-baiknya.

Apa yang dipamerkan dalam episod dialog di antara Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya mengandungi pengajaran yang amat asas sekali merentasi zaman ribuan tahun. Itulah contoh gaya kebapaan terbaik sepanjang zaman.

Dan inilah juga ciri-ciri kepemimpinan yang seharusnya terbentuk dan dihayati oleh sekalian ayah merentasi zaman. Ayah yang berkesan adalah ayah yang mendukung, menghayati lagi mempamerkan komunikasi berkesan dalam memimpin, mendidik dan membentuk anak-anak dalam keluarganya, sepertimana yang dipamerkan Nabi Ibrahim a.s. dalam dialog dengan anak remajanya ketika menangani cabaran untuk melaksanakan perintah Allah swt yang bukannya ringan.

Apakah episod ini masih relevan dengan institusi kebapaan masakini?

Tentu sekali. Malah episod ini, beserta episod-episod lain yang terdapat dapat seerah para Nabi dan Rasul, dan juga para sahabat, boleh dijadikan sebagai panduan untuk membentuk institusi kebapaan berkesan dalam masyarakat setempat.

Apa yang dipamerkan dalam episod yang mendasari Hari Arafah ini merupakan asas yang amat penting dalam usaha membentuk generasi ayah berkesan dalam masyarakat kita sendiri. Komunikasi berkesan dengan anak-anak tidak harus dipandang enteng atau perkara remeh oleh mana-mana ayah sekalipun.

Dan inilah juga di antara teras Nakhoda, sebuah jawatankuasa kemudi, yang dibentuk khas untuk mengemudi pembangunan dan pelestarian institusi bapa atau ayah berkesan dalam Masyarakat Melayu-Muslim di Singapura di bawah kepimpinan Prof Madya Muhammad Faishal Ibrahim, Menteri Negara Pembangunan Negara dan juga Ehwal Dalam Negeri.

Nakhoda mengambil kira dapatan sebuah kajian yang disiapkan Zamil Penyelidik Institut Kajian Dasar (IPS), Dr Mohamad Shamsuri Juhari. Di antara dapatan kajian tersebut ialah betapa para ayah tahu akan kepentingan masa berkualiti dengan anak-anak tetapi mereka tidak begitu jelas akan apa yang seharusnya mereka lakukan selaras dengan ide "masa

berkualiti” itu sendiri. Sebahagian responden kajian tersebut beranggapan bahwa meluangkan masa berkualiti itu setakat menghadirkan diri bersama anak-anak sambil membiarkan anak-anak melakukan aktiviti mereka sendiri. Ini bagaikan ayah itu hadir, tetapi tidak hadir ketika meluangkan masa dengan anak-anak. Setentunya tanggapan seperti ini tidak menepati keperluan ayah meluangkan masa berkuat dengan anak-anak.

Untuk benar-benar meluangkan masa berkualiti, para ayah terlebih dahulu perlu berkomunikasi dengan anak-anak dengan pendekatan dan cara yang berkualiti terlebih dahulu. Para ayah perlu ada ilmu, keupayaan dan kemahuan untuk berkomunikasi dengan anak-anak secara berkualiti. Episod Nabi Ibrahim a.s. berkomunikasi dengan anak remajanya ketika itu memberi petunjuk besar tentang kepentingan, keupayaan dan kemahiran komunikasi yang perlu dibentuk di kalangan para ayah untuk memperkasakan mereka untuk memimpin, mendidik dan membentuk anak-anak, di samping meluangkan masa berkualiti dengan mereka di dalam mahupun luar rumah.

Dari pengalaman berinteraksi dengan para ayah dari pelbagai latarbelakang di sepanjang tiga dekad menjalankan pelbagai program kekeluargaan, komunikasi berkesan seringkali “terkorban” dek para ayah sibuk dengan tugas dan tanggungjawab mencari rezeki.

Tidak kurang juga ramai yang tidak melihat komunikasi berkesan ini sebagai suatu tuntutan terhadap para ayah kerana mereka dibesarkan dalam suasana di mana para ayah mereka sendiri pun tidak mempamerkan kepentingan untuk berkomunikasi secara berkesan. Bagi para ayah seperti ini, yang lebih utama dalam keluarga ialah pelaksanaan kuasa seorang ayah. Bagi mereka, ayah mesti tunjuk kuasa dan tidak boleh takut dan tunduk pada anak-anak.

Tidak kurang juga perkara sebaliknya berlaku dalam lingkungan masyarakat kita, iaitu fenomena “absent fathering” atau “ayah yang ada tetapi tiada.”

Inilah juga di antara aspek-aspek pembangunan dan pembentukan institusi kebapaan yang perlu ditangani Nakhoda agar para ayah dalam masyarakat dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan kebapaan mereka dalam keluarga masing-masing.

Sempena Hari Arafah ini, ingatlah bahawa peranan Nabi Ibrahim a.s. dan tindak-tanduknya sebagai seorang ayah masih lagi relevan, terutama dalam aspek komunikasi berkesan dan hasilnya dalam membentuk keperibadian jitu pada diri Nabi Ismail yang ketika itu masih lagi seorang anak remaja.

Selamat menyambut Hari Bapa sambil memperingati juga episod Nabi Ibrahim a.s. menangani cabaran untuk melaksanakan perintah Allah swt yang mendasari Hari Arafah dan sambutan Eidul Adha, dengan menggunakan pendekatan komunikasi berkesan dengan anak remajanya ketika itu, iaitu Nabi Ismail a.s.

Penulis Anggota Jawatankuasa Kemudi Nakhoda & Ketua Pegawai Eksekutif SuChi Success Initiatives Pte Ltd